



UNIT INTEGRITI DAN OMBUDSMAN NEGERI
JABATAN KETUA MENTERI
ARAS 2, BANGUNAN DUN (LAMA)
PETRA JAYA
93502 KUCHING, SARAWAK

NO. TEL : 082-510881
NO. FAX : 082-311374

DARIPADA : Setiausaha Kerajaan
Sarawak

KEPADA : Semua Setiausaha Tetap
Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Negeri
Semua Residen Bahagian

SALINAN :
KEPADA

RUJUKAN : JKM/UNION/100-1/1/5
(02)

TARIKH : 15 Mei 2019

**PEKELILING INTEGRITI NEGERI SARAWAK
BILANGAN 2 TAHUN 2019**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN
UNIT INTEGRITI AGENSI AWAM NEGERI SARAWAK**

1. TUJUAN

Pekeliling Integriti ini bertujuan untuk:

- 1.1 Memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah menerima pakai Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam yang diterbitkan pada tahun 2019 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dengan sedikit pindaan ke atas model Unit Integriti iaitu tidak kurang daripada satu (1) atau tidak lebih daripada tiga (3) orang pegawaidari pelbagai gred; dan
- 1.2 Memberi panduan berkenaan dengan penyesuaian mekanisme pelaksanaan Unit Integriti Agensi Awam Negeri Sarawak serta tanggungjawab pihak yang terlibat bagi memastikan pematuhan penubuhan Unit Integriti dan meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Unit Integriti.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada 19 Ogos 2010, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) telah bersetuju untuk menubuhkan Unit Pematuhan di semua agensi peringkat Persekutuan dan Negeri. Ianya bertujuan untuk memastikan pematuhan terhadap dasar, perundangan dan peraturan serta mengenal pasti kelemahan dan kekurangan dalam sistem penyampaian perkhidmatan jabatan. Kemudian namanya ditukar menjadi Unit Integriti bagi mengelak kekeliruan dengan Unit Audit.

2.2 Keputusan Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan Unit Integriti di semua Agensi Awam dikuatkuasakan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 (PP 6/2013) berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013. Unit ini berfungsi sebagai "*focal point*" kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua Agensi Awam dengan melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu:-

- Tadbir Urus;
- Pengukuhan Integriti;
- Pengesanan dan Pengesahan;
- Pengurusan Aduan;
- Pematuhan; dan
- Tatatertib.

- 2.3 Inisiatif penubuhan UI adalah untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotik, seterusnya akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
- 2.4 Berdasarkan PP 6/2013, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertanggungjawab melaksanakan penarafan risiko setiap agensi awam bagi menetapkan model Unit Integriti yang bersesuaian. Bahagian Pengurusan Integriti Agensi Awam (BPIA), SPRM telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras, menyediakan dasar dan mekanisme pengurusan integriti di agensi awam.
- 2.5 Pekeliling yang sama juga menetapkan bahawa hanya Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) sahaja yang layak untuk mengetuai Unit berkenaan. Bagi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, enam (6) fungsi integriti berkenaan diletak di bawah tanggungjawab pengurusan sumber manusia agensi masing-masing.
- 2.6 Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadi sebuah negeri maju berintegriti tinggi, YAB Ketua Menteri Sarawak dalam ucapannya semasa *SCS-Excellence Night* dan Majlis Amanat Perdana Integriti (MAPI2019) yang masing-masingnya pada 2 Disember 2018 dan 11 Februari 2019 telah menegaskan supaya Unit Integriti ditubuhkan di Kementerian dan Jabatan Kerajaan Negeri.

2.7 YAB Ketua Menteri sekali lagi menyentuh mengenai tadbir urus semasa Ucapan Penggulangan Persidangan Dewan Undangan Negeri Pertama Bagi Penggal Keempat pada 9 Mei 2019 dan menyatakan komitmen untuk memastikan ketelusan dan pematuhan semua proses, prosedur dan peraturan dalam pelaksanaan projek pembangunan seperti "Projek Rakyat" dan "Rural Transformation Project".

2.8 Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk menubuhkan Unit Integriti disemua Agensi Awam Kerajaan Negeri dengan model Unit Integriti disesuaikan kepada tidak kurang daripada satu (1) atau tidak lebih daripada tiga (3) orang pegawai dari pelbagai gred.

3. SKOP

Garis panduan ini digunapakai untuk menubuh dan mengurus Unit Integriti di Agensi Awam Negeri Sarawak.

4. PENUBUHAN UNIT INTEGRITI

4.1 Penubuhan Unit Integriti di Agensi Awam Negeri Sarawak merupakan usaha untuk membudaya dan memperkukuhkan integriti, meningkatkan ketelusan serta menambah baik tadbir urus dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak.

4.2 Unit Integriti di setiap agensi adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan semua enam fungsi teras iaitu yang berkaitan dengan tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib.

4.3 Disamping itu, Unit Integriti juga bertanggungjawab untuk memastikan projek pembangunan Kerajaan Negeri termasuk Projek Rakyat dan "*Rural Transformation Project*" mematuhi sepenuhnya semua proses, prosedur, peraturan dan Undang-Undang yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.

4.4 Dari segi perjawatan, setiap Unit Integriti Sektor Awam Negeri Sarawak akan dianggotai oleh seorang atau tiga (3) orang pegawai pelbagai gred. Jumlah ini tertakluk kepada polisi pengurusan sumber manusia semasa.

5. STRUKTUR PELAKSANAAN UNIT INTEGRITI AGENSI AWAM NEGERI SARAWAK

5.1 Pengurusan Unit Integriti Agensi -

- i. Unit Integriti bertanggungjawab terus kepada Ketua Jabatan masing-masing di dalam pelaporan isu integriti yang berlaku di dalam agensi yang tidak melibatkan secara langsung Ketua Jabatan masing-masing.
- ii. Walau bagaimanapun, bagi isu integriti yang melibatkan Ketua Jabatan secara langsung, maka pelaporan hendaklah disediakan oleh Unit Integriti dan Ombudsman, Jabatan Ketua Menteri kepada Setiausaha Kerajaan Negeri.

5.2 Penarafan Risiko Agensi

Unit Integriti dan Ombudsman Negeri, Jabatan Ketua Menteri dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bertanggungjawab melaksanakan penarafan risiko Agensi Awam Negeri Sarawak bagi menetapkan model Unit Integriti yang bersesuaian.

5.3 Penentuan Struktur Dan Perjawatan

Menurut Garispanduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam, struktur dan perjawatan Unit Integriti adalah berdasarkan kepada penarafan risiko agensi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya satu (1) atau maksimum tiga (3) jawatan pelbagai gred kepada Kementerian, Jabatan dan Pentadbiran Bahagian.

5.4 Penyelarasan dan Pelaporan Unit Integriti

- i. Unit Integriti dan Ombudsman Negeri, Jabatan Ketua Menteri berperanan menyelaras pelaksanaan fungsi unit Integriti. Unit ini juga dengan kerjasama Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) berkenaan bertanggungjawab untuk menyediakan dasar dan mekanisme pengurusan integriti di agensi; dan
- ii. Unit Integriti hendaklah mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaan inisiatif bagi mengukuhkan tahap integriti, ketelusan dan tadbir urus mengikut format yang telah ditetapkan kepada Unit Integriti dan Ombudsman Negeri, Jabatan Ketua Menteri setiap empat (4) bulan sekali iaitu sebelum 7 haribulan Januari, Mei dan September setiap tahun.

6. PEMAKAIAN

Pemakaian Pekeliling Integriti ini dikuatkuasakan kepada Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri tertakluk kepada pemakaiannya oleh Lembaga Pengarah dan pihak berkuasa masing-masing.

7. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh
pekeliling dikeluarkan.

**'BERSATU BERUSAHA BERBAKTI'
'AN HONOUR TO SERVE'**



**(TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan,
Sarawak**

11

(

(